

Pelajar Amerika Syarikat teruja sepanjang di Malaysia

Sinar Harian Sabtu 2/8/0
M/S P20

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Pelajar yang menyertai Program 'Student's Life In Malaysia and The United States' selama sebulan di sini tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira mereka apabila berpeluang merasai keindahan semula jadi negara ini dan kepelbagaian budaya yang unik, selain tempat menarik yang dikunjungi.

Program memabitkan sepuluh penuntut dari beberapa universiti di Amerika Syarikat termasuk American University, selain 100 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Erik Loken, 20, dari University of Washington berkata, pengalaman berada di bumi Malaysia ternyata sangat menarik, terutama dari segi budaya yang unik dan tempat menarik yang dilawati.

Menurut pelajar jurusan ekonomi itu, dia berpeluang melawat beberapa negeri iaitu Sarawak, Melaka dan Johor setelah dua minggu berada di Malaysia.

"Saya ke Sarawak dan pe-



Alyssa (tiga dari kiri) dan Erik (dua dari kanan) mengangap peluang berada di Malaysia satu peluang keemasan yang perlu di lepaskan.

luang melawat rumah panjang serta menaiki bot adalah pengalaman yang sukar dilupakan.

"Bagi saya, budaya dan kepelbagaian etnik di Malaysia, khususnya di Sarawak menggambarkan satu suasana kehidupan yang menarik malah ia membuktikan perpaduan di an-

tara kaum masih kukuh," katanya ketika di temui pada program tersebut yang diadakan di Hotel Hyatt, Kuantan.

Erik berkata, dia gembira kerana turut di beri peluang ke Parlimen yang memberi pendedahan berkaitan senario politik di Malaysia.

dak tepat sama sekali.

"Kami juga seperti penuntut yang lain apabila belajar, kami serius dan bukan berseronok sepanjang masa," katanya yang mahu mengenali budaya Malaysia dengan lebih dekat.

Sementara itu, Alyssa Forrely, 19, berkata, peluang berada di Malaysia di manfaat

sepenuhnya malah pengalaman mengunjungi beberapa tempat menarik di Malaysia merupakan pengalaman sukar di lupakan.

Menurut gadis manis yang bercita-cita mahu menjadi wartawan itu, ketika di Kuala Lumpur, dia dibawa melawat ke sebuah syarikat penerbitan dan sewaktu di situ, dia mendapat maklumat cara penerbitan akhbar bermula dari mendapat berita sehingga pencetakan akhbar.

"Saya merasa gembira mengikuti program ini kerana banyak idea dan pendapat diperoleh yang membolehkan saya memahami budaya masyarakat di sini," katanya yang tidak melepaskan peluang untuk ke Teluk Cempedak.